



PESERTA....Soffri (dua kanan) dan Isazaly (kanan) bersama pelajar SSIL yang menyertai Kursus Penyuntingan Naratif Asas di Makmal Multimedia, UMS

# 14 mahasiswa SSIL ikuti Kursus Penyuntingan Naratif Asas

NSTs 18.04.2012 5  
LABUAN : Seramai 14 mahasiswa Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) telah menghadiri Kursus Penyuntingan Naratif Asas pada 9 hingga 13 April lalu di Makmal Multimedia 2, SSIL, Tingkat 1, Bangunan Menara, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Mereka merupakan pelajar Tahun Tiga program Teknologi Multimedia SSIL mengikuti kursus berkenaan dari pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Kursus lima hari itu dikendalikan oleh tenaga pengajar dari Finas, Isazaly Mohamad Isa.

Majlis penyampaian sijil penyertaan disampaikan oleh Ketua Program e-Dagang SSL, Soffri Yussof selaku wakil Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Kursus anjuran bersama SSIL dan Finas itu bertujuan untuk memberikan pendedahan tambahan kepada pelajar mengenai bidang penyuntingan video dan filem secara asas seperti mana yang mereka pelajari di dalam bilik kuliah.

"Bidang penyuntingan video dan filem juga mampu memberikan pendapatan yang lumayan dan peluang kerjaya yang lebih luas pada masa depan," kata Isazaly.-OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabahtimes.com.my))